

**SIARAN AKHBAR**  
**11 Oktober 2018**

## **EKUINAS LUPUSKAN KEPENTINGAN 60% DALAM TRANGLO KEPADА SYARIKAT PEMIMPIN SERANTAU, TNG FINTECH GROUP INC.**

**MENJANA KADAR PULANGAN DALAMAN (IRR) 26.8% BERSAMAAN 1.96 KALI MODAL YANG  
DILABURKAN**

### **Sorotan Penting: -**

- Ekuinas telah melupuskan keseluruhan 60.0% kepentingan miliknya dalam Tranglo Sdn. Bhd. (Tranglo) kepada TNG FinTech Group Inc. pada nilai RM114.9 juta lantas menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) 26.8% bersamaan 1.96 kali modal yang dilaburkan. Ini menandakan pelupusan kali kesembilan buat Ekuinas di bawah pengurusannya, dengan jumlah hasil terealisasi Syarikat sehingga kini mencecah lebih RM2.0 bilion.
- Tranglo kini meneraju pasaran transaksi mudah alih yang merentasi sempadan melalui perkhidmatan pemindahan masa perbualan dan transaksi kiriman wang menyediakan yang menawarkan perkhidmatannya kepada kebanyakan pusat global dan telah membina rangkaian untuk berkhidmat dalam rantau ini.
- Antara pencapaian pentingnya ialah pertumbuhan pesat pemindahan masa perbualan dan kiriman wang. Jumlah kiriman wang telah meningkat 15 kali ganda sejak pemerolehan oleh Ekuinas, disokong oleh kumpulan pelanggan yang setia dan kukuh.
- Pemilihan TNG dibuat selepas proses jualan teliti berdasarkan merit di mana keupayaan, sumber dan penjajaran dengan wawasan pengurusan diberi keutamaan yang sebanding dengan harga untuk memastikan rakan kongsi baharu akan terus memajukan perniagaan.

**KUALA LUMPUR, 11 Oktober 2018:** Ekuiti Nasional Berhad (“Ekuinas” atau “Syarikat”), hari ini mengumumkan pelupusan keseluruhan 60% kepentingan miliknya dalam Tranglo Sdn Bhd (Tranglo) kepada TNG FinTech Group Inc. (TNG) dengan pertimbangan RM114.9 juta. Hasil jualan ini menjana Kadar Pulangan Dalaman (“IRR”) sebanyak 26.8% dan bersamaan 1.96 kali daripada modal yang dilaburkan. Ini menandakan pelupusan kali kesembilan buat Ekuinas di bawah pengurusannya, dengan jumlah hasil terealisasi syarikat sehingga ini mencecah lebih RM2.0 bilion.

“Pemilihan TNG dibuat selepas proses jualan teliti yang menarik minat beberapa pihak di peringkat global. Semua ini dilakukan berdasarkan merit, di mana keupayaan, sumber dan penjajaran dengan wawasan pengurusan diberi keutamaan yang sebanding dengan harga.

Kami mahu memastikan bahawa rakan kongsi yang berikutnya akan terus menjadi pemangkin perniagaan Tranglo. Justeru, mereka perlu mempunyai kepakaran, pengalaman dan keupayaan yang diperlukan bukan sahaja untuk terus mengendalikan perniagaan tetapi lebih penting, dilengkapi dengan sumber untuk membangunkan dan terus mengembangkan perniagaan,” kata Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas.

Industri Teknologi, Media dan Telekomunikasi (TMT) kini menghadapi persaingan yang semakin sengit, kerana digugat oleh beberapa peserta baru dalam bidang *Fintech* atau teknologi kewangan. Justeru, keputusan untuk melupuskan perniagaan adalah berasaskan beberapa pertimbangan: pertama sekali, ia sejajar dengan strategi Ekuinas untuk terus merealisasikan nilai aset apabila masa dan suasana ekonomi adalah sesuai. Kedua adalah untuk mengenal pasti rakan strategik yang mampu melonjakkan perniagaan ke fasa pertumbuhan yang seterusnya.

Kini, Tranglo meneraju pasaran transaksi mudah alih yang merentasi sempadan melalui perkhidmatan pemindahan masa perbualan dan transaksi kiriman wang menyediakan yang menawarkan perkhidmatannya kepada kebanyakan pusat global, termasuk negara-negara Asia Tenggara, Hong Kong dan China.

Syed Yasir Arafat menyambung, “Sepanjang tempoh pelaburan, Ekuinas bekerjasama rapat dengan pasukan pengurusan Tranglo untuk meluaskan rangkaian pemindahan masa perbualan dan pemindahan wang. Dari segi prestasi, Tranglo berjaya meningkatkan jumlah pemindahan wang sebanyak 15 kali sejak pemerolehan Ekuinas. Kami yakin bahawa Tranglo akan meneruskan prestasi kukuhnya dalam jangka pertengahan.”

“Hubungan jangka panjang kami dengan syarikat-syarikat telekomunikasi Malaysia dan pengiriman wang global telah mendorong kepesatan pertumbuhan kami dan akan terus memainkan peranan penting dalam strategi kami pada masa hadapan. Hubungan perniagaan Tranglo dengan TNG telah bertambah erat selama ini dengan kerjasama Ekuinas. Kami percaya langkah ini merupakan langkah positif dalam usaha melonjakkan lagi perniagaan kami dalam sektor kiriman wang rentas sempadan,” kata Sia Hui Chek daripada Tranglo.

Berpusat di Hong Kong, TNG adalah perintis industri yang menyediakan perkhidmatan kewangan generasi baharu kepada 1.2 bilion penduduk di Asia yang tidak mempunyai pendaftaran bank. TNG Wallet, sebuah aplikasi e-Dompet terunggul di Hong Kong yang dilancarkan pada November 2015 telah menjadi salah satu e-Dompet yang paling popular di rantau ini. Ia menyediakan perkhidmatan dan kiriman tunai dan juga pemindahan wang sepanjang masa kepada para penggunanya melalui 900+ rangkaian bank dan lebih 200,000+ pusat pengambilan tunai di seluruh dunia.

-Tamat -

**Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan kerajaan berjumlah RM5 bilion, Ekuinas berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang berkesan dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah mengusahakan pelaburan dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit dan penjagaan kesihatan.

**Siaran Media:****Dau Ming Seling  
Klareco Communications Malaysia**

E: [DSeling@klarecocomms.com](mailto:DSeling@klarecocomms.com)  
T: +603-2276 0990  
B: +6017-888 2808

**Lok Ru Jun  
Klareco Communications Malaysia**

E: [RLoc@klarecocomms.com](mailto:RLoc@klarecocomms.com)  
T: +603-2276 0990  
B: +6012-325 6949